



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebutharga yang berdaftar dengan CIDB di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

| 1. No. Sebutharga  | Tajuk   | 3. Kod Bidang Pendaftaran  | Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat                                  | Tarikh Tutup Sebutharga   |
|--------------------|---|--|---|---|
| INSPEN/SH /23/2020 | SEBUTHARGA KERJA MENCUCI TANGKI SISTEM BEKALAN AIR SEJUK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN | Berdaftar dengan <b>CIDB Gred G1</b> di bawah Kategori Bangunan (B) ATAU Kejuruteraan Awam (CE) Pengkhususan <b>B10 atau B27 atau CE20 atau CE39</b> dan bertaraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Serta <b>Beralamat Pendaftaran di Daerah Sepang atau Daerah Hulu Langat</b> | Tiada Lawatan Tapak- Sila Rujuk Perenggan 6 Notis Sebutharga ini. | 07 September 2020 (Isnin) jam 12.00 Tengahari<br>Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan |

**PERINGATAN : Sebutharga Ini Mensyaratkan Bahawa Hanya Penama Di Dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK), Atau Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan. Hanya Penama Di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Sahaja Yang Boleh Menghadiri Lawatan Tapak, Sesi Taklimat Sebutharga dan Pembelian Dokumen Sebutharga Dan Tidak Boleh Mewakulkan Pegawai Selain Daripada Penama Yang Dibenarkan Dalam Sijil. –Pekeliling Perbendaharaan Pindaan 23/12/2014.**

2. Senaskhah **DOKUMEN SEBUTHARGA (dalam bentuk CD) berharga RM10.00 (Wang Pos Sahaja Diterima)** akan dijual selepas taklimat sebutharga sehingga tarikh tutup sebutharga pada

setiap hari bekerja bermula dari jam 8.30 pagi – 5.00 petang di kaunter jualan, Unit Kewangan, Aras 6, Blok Pentadbiran, Institut Penilaian Negara (INSPEN), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia, Persiaran INSPEN, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

3. Penyebut harga hendaklah mengemukakan Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Pendaftaran Kerajaan yang ASAL yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera ASAL yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta semua salinan pendua yang sah dan masih berkuatkuasa pendaftarannya semasa membeli Dokumen Sebutharga. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan oleh Unit Kewangan, INSPEN setelah salinan pendua Sijil-sijil Pendaftaran tersebut disahkan dan resit rasmi penerimaan bayaran serta salinannya dikeluarkan oleh Kerani Unit Kewangan, INSPEN kepada kontraktor berdaftar / pembekal / agen / wakil – wakil yang sah sahaja.

4. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

5. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

6. Lawatan tapak semasa tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** atas tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga. **Pihak pembida dikehendaki memaklumkan dahulu Unit Pengurusan Harta & Fasiliti INSPEN sebelum memasuki premis INSPEN dengan menghubungi En. Azman Bin Ismail atau YM. Raja Lokman Bin Raja Zaki Hashim di talian 03-89118800 (waktu pejabat). Peraturan memakai penutup mulut , individu sihat dan tidak bergejala simptom COVID-19 sahaja dibenarkan untuk melawat tapak.**

7. Pembida yang berjaya tetapi gagal melaksanakan kerja sebutharga ini dengan sempurna disebabkan alasan kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat akan disenarai hitam oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dan akan dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan juga Kementerian Kewangan Malaysia.

8. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga